

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Petronas derma \$1 juta kepada Tabung Pahlawan

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Petronas bersetuju menderma \$1 juta untuk membantu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di bidang perniagaan, pelaburan dan kebajikan menerusi 'Projek Ihsan' yang dilancarkan baru-baru ini.

Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Abdullah Salleh, hari ini menyampaikan cek bernilai \$200,000 kepada Penaung Derma Rayuan Hari Pahlawan, Datin Seri Dr Siti Hasmah, di Kementerian Pertahanan.

Bakinya \$800,000 akan disampaikan dalam tempoh empat tahun.

Pengerusi Tabung itu, Abang Abu Bakar, yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata, setakat ini \$806,735.04 telah dikumpul.

"Jumlah ini amat menggalakkan dan saya berharap kutipan itu akan melebihi \$1 juta dalam tempoh yang singkat," katanya selepas upacara itu.

Beliau menyeru firma-firma besar dan syarikat antarabangsa supaya mencontohi langkah Petronas membantu bekas-bekas perajurit, balu-balu dan anak-anak mereka.

"Kita harus menghargai pengorbanan mereka kepada negara dengan menghulurkan derma ikhlas menerusi tabung itu," jelasnya.

Abang Abu Bakar berkata, menerusi Projek Ihsan, pihak jawatankuasa tabung derma itu berharap dapat mengutip \$10 juta dalam tempoh lima tahun.

Apabila matlamat itu tercapai, Persatuan Bekas Perajurit tidak lagi perlu meminta derma untuk Tabung Hari Pahlawan setiap tahun, jelasnya.

Menurut beliau, pendapatan dari pelaburan \$10 juta itu akan digunakan oleh persatuan untuk menjalankan kegiatannya, di samping membantu ahli-ahlinya.



●Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah (kiri) menerima cek bernilai \$200,000 dari Pengerusi dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Abdullah Salleh di Kementerian Pertahanan di Ibu negara, semalam. — Gambar Berita Harian.